

"Jauhkan diri dari rasuah," kata Datuk M. kepada Polis

"MUSA seru polis jauhi rasuah," kata sebuah kepala di Utusan Zaman September 13, 1981. Berita di bawahnya berkata, Pemangku Perdana Menteri Datuk Musa Hitam telah meluangkan masa dua jam untuk bertemu dengan ahli-ahli Persatuan Pegawai-Pegawai Rendah Polis dari seluruh negara di Mess Pegawai Bukit Aman, Kuala Lumpur Sabtu lalu.

Perjumpaan khas kira-kira dua jam itu dipenuhi dengan perbincangan dan penjelasan Datuk Musa mengenai hasrat kerajaan di bawah pimpinan Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang mahu mengekalkan keselamatan dan keamanan dalam negara.

Datuk Musa telah mengingatkan para anggota polis dengan beberapa perkara penting yang harus dijalankan oleh mereka khususnya faktor-faktor penting mengekalkan keamanan dan pembangunan negara. Antara faktor penting ialah rasuah, yang mengenainya beliau menyeru anggota polis supaya menjauhkan diri dari perbuatan itu dan mematuhi disiplin kerana disiplin merupakan unsur utama dalam meningkatkan mutu perkhidmatan.

* * *

Komen Penulis:

Mengenai peranan polis untuk menjaga keamanan dan tentang nasihat supaya mereka mematuhi disiplin tidaklah perlu bagi penulis membuat ulasan. Dengan itu, komen penulis adalah tertumpu hanya

kepada seruan Pemangku Perdana Menteri supaya anggota polis menjauhkan diri dari rasuah kerana dari kaca mata rakyat merangkap pengundi, seseorang pegawai polis, walau bagaimanapun pangkatnya, adalah KERAJAAN.

Hastrasi: Jika dan bila seseorang anggota polis biasa kelihatan menerima rasuah di tepi jalan atau di kedai kopi (sama ada diketika menjalankan tugas atau "off-duty") pihak yang membayar, dan orang yang menyaksikan perbuatan tersebut, bukan sahaja akan memandang rendah terhadap pasukan Polis pada keseluruhannya malah akan melebal Kerajaan sebagai KORAP. Dan selepas itu mereka akan menceritakan pula apa yang telah berlaku kepada kawan dan jiran. Satu bayaran (rasuah) sahaja boleh meracuni fikiran berpuluh-puluh jika tidakkan beratus-ratus orang pengundi terhadap Kerajaan.....

Dengan mematuhi nasihat Datuk Musa tadi, anggota polis kita bukan sahaja akan menjaga imej Pasukan mereka sendiri, malah mempertahankan nama baik dan maruah Kerajaan pada keseluruhannya.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia